

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PERASMIAN PERSIDANGAN MAJLIS PER-
WAKILAN PERSATUAN PELADANG KEBANG-
SAAN DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
KUALA LUMPUR PADA 22^{HB} JUN, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Encik Ghafar,¹ Encik Ahmad Sarji,² Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian pagi ini. Dua tahun telah berlalu semenjak saya melancarkan Persatuan Peladang Kebangsaan di Serdang dan saya ingin mengucapkan terimakasih kepada Lembaga Pengarah dan ahli-ahli perwakilan sekalian atas penghargaan merasmikan Persidangan Majlis Perwakilan hari ini.

Sebagaimana saudara-saudara sedia maklum, saya baru sahaja pulang dari Geneva di mana saya berucap di Persidangan Tahunan I.L.O. ataupun Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Pertubuhan ini ialah badan kemuncak di peringkat antarabangsa bagi menjaga kepentingan dan memperjuangkan kehendak-kehendak buruh seluruh dunia dalam beberapa aspek kebajikan, pekerjaan serta kedudukan mereka dalam bidang ekonomi, sosial dan kemasyarakatan.

Sebagai Badan Tertinggi atau Apex Body, Persatuan Peladang Kebangsaan mempunyai peranan yang sama penting kepada petani-petani dan pekerja-pekerja pertanian seluruh negara. Persatuan Peladang Kebangsaan bukan sahaja patut bertindak memperjuangkan kepentingan dan kesejahteraan kaum tani tetapi yang lebih penting ialah memelopori aktiviti untuk kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat kaum tani.

Maksud saya Persatuan Peladang Kebangsaan ini hendaklah sentiasa di hadapan dalam segala aktiviti dan perkembangan ekonomi pertanian untuk memajukan Persatuan-persatuan Peladang pada semua peringkat. Dalam hal ini, saya gembira mendengar sebentar tadi lapuran dari Datuk Haji Mustapha Jabar³ bahawa

¹ Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar.

² Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang.

³ Timbalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang.

selama dua tahun usianya Persatuan Peladang Kebangsaan sangat giat di lapangan memperdagangkan hasil-hasil pertanian di samping memperluaskan aktiviti perniagaannya iaitu membekalkan benih, baja dan jentera pertanian, barang-barang keperluan seharian seperti beras, gula, tepung dan sebagainya. Angka nilai perniagaan yang berjumlah lebih \$3.5 juta sangatlah menggalakkan dan saya percaya angka ini dapat ditingkatkan lagi.

Saya sukacita mendengar bahawa Persatuan Peladang Kebangsaan mengambil bahagian yang aktif dalam beberapa rancangan usaha-bersama atas dasar "equity participation" termasuk projek Kilang Baja, Ternakan Ayam, Kilang Kacang Tanah dan Kilang Bahan Kimia. Ini adalah langkah yang bijak oleh kerana Persatuan Peladang Kebangsaan juga bertugas sebagai pengedar bahan-bahan ini kepada petani-petani seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Pada masa ini terdapat 116 buah Persatuan Peladang Kawasan yang mempunyai lebih 100,000 ahli. Sudah barang tentulah Persatuan-persatuan ini mengharapkan bantuan Persatuan Kebangsaan menyediakan bekalan baja dan sebagainya yang cukup dan menjalankan langkah pemasaran hasil pertanian yang lebih berkesan serta kemudahan kredit kepada ahli-ahlinya. Seperti yang sering saya tegaskan, strategi pertanian kita hari ini menekankan tiga perkara pokok iaitu mempelbagaikan pengeluaran pertanian, mengadakan bekalan beras yang cukup serta juga barang-barang lain atau self-sufficiency in rice, dan langkah jangka panjang memodenkan sektor pertanian dengan penggunaan alat-alat jentera.

Dalam lawatan saya ke Republik Rakyat China baru-baru ini, saya sangat tertarik hati dengan cara perusahaan pertanian di situ. Sungguhpun kita adalah mempunyai fahaman atau ideology berlainan di Commune atau kawasan perkumpulan yang menitikberatkan tema self-sufficiency dan crop diversification ini. Mereka bukan saja mengeluarkan berbagai bijian makanan seperti gandum, padi, sekoi dan jagung, tetapi di samping itu mengusahakan penanaman kapas, menternak lembu, kuda dan ayam itik serta mempunyai workshop untuk membuat alat-alat jentera pertanian ringan dan memperbaiki jentera-jentera berat. Inilah sebenar-benarnya saya kehendakkan kepada Persatuan Peladang dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung.

Dalam ucapan saya di Persidangan I.L.O. baru-baru ini, saya telah menegaskan pentingnya dunia di zaman ini memberi perhatian berat terhadap membasmi kekurangan makanan. Negara-negara sedang membangun perlu menekan usaha-usaha yang lebih pesat lagi untuk menjamin pengeluaran barang-barang makanan yang cukup kerana inilah satu-satunya jalan bagi mengatasi inflasi yang sedang melanda dunia hari ini.

Bagi negara kita adalah penting dan mustahak Kerajaan dan rakyat bekerjasama meningkatkan pengeluaran barang-barang makanan. Kerajaan Pusat telah mengadakan kemudahan-kemudahan asas taliair di beberapa kawasan padi seperti MUDA, KEMUBU dan BESUT untuk membolehkan kawasan-kawasan ini ditanam dua musim. Kawasan-kawasan lain yang boleh ditanam dengan padi sedang dipulihkan iaitu Rompin dan Seberang Perak. Rancangan "crop diversification" akan dijalankan secara besar-besaran meliputi kawasan 300,000 ekar di Johor Barat yang akan dibiayai oleh Bank Dunia.

Selaras dengan dasar mengeluarkan bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara, dan untuk membantu petani-petani, Kerajaan bersetuju mengadakan semula Rancangan Subsidi Baja Urea. Pada masa ini harga baja urea semakin meningkat tinggi di pasaran dunia kerana semua negara menghendakinya sedangkan bekalannya agak terhad. Kerajaan akan membelanjakan lebih \$60 juta tiap-tiap tahun untuk rancangan subsidi ini yang akan dimulakan musim depan dan akan diedarkan menerusi Pertubuhan Peladang. Saya berharap petani-petani akan melipatgandakan hasil pengeluaran serta mutu padi yang tinggi.

Patut diingat bantuan subsidi ini amat perlu bukan sahaja untuk membantu petani-petani tetapi untuk mengekalkan harga beras yang saksama kepada pengguna-pengguna. Dengan adanya subsidi ini petani-petani dan pengguna-pengguna akan dapat sama-sama menikmati harga padi dan harga beras yang berpatutan.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang sering saya katakan, adalah penting bagi pertubuhan-pertubuhan rakyat khasnya Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian mengambil bahagian yang lebih luas dan berkesan dalam lapangan pertanian modern. Dengan tujuan itulah dirasakan perlu menyusun semula dan

menyesuaikan peranan kedua institusi rakyat ini serta menggabungkan di bawah satu pertubuhan sahaja iaitu Pertubuhan Peladang. Pelancaran Lembaga Pertubuhan Peladang tidak lama dulu adalah langkah yang muktamad dalam usaha penyusunan semula institusi ini yang boleh diibaratkan sebagai payung kepada kaum tani di tanahair ini seluruhnya.

Selain daripada tugas menyelaraskan kegiatan kedua-dua badan ini untuk menghindarkan kegiatan bertindih-tindih, Lembaga Pertubuhan Peladang juga sedang melaksanakan konsep pembangunan kawasan atau area development supaya petani-petani di sesuatu kawasan mendapat sepenuh-penuh munafaat daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.

Saya difahamkan hingga hari ini Lembaga Pertubuhan Peladang telah berjaya mewujudkan 77 Pertubuhan Peladang Kawasan yang menggabungkan 51 buah Persatuan Peladang dengan 411 Syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian. Ini adalah satu kejayaan yang dapat dibanggakan dalam tempoh yang begitu singkat. Saya ingin melihat ke seluruh Persatuan Peladang yang belum bergabung itu mengambil langkah segera berbuat demikian supaya pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini, Lembaga Pertubuhan Peladang akan mewujudkan 92 buah lagi Pertubuhan Peladang Kawasan untuk mencapai matalamat yang dijadualkan iaitu 169 Pertubuhan Peladang Kawasan bagi seluruhnya.

Dalam hubungan ini juga saya telah mengarahkan Perbendaharaan supaya mengkaji kemungkinan menambah peruntukan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi membolehkannya meningkatkan usaha-usaha Pertubuhan Peladang Kawasan termasuklah membiayai keperluan kakitangan dan modal pusingan yang lebih besar untuk aktiviti ekonomi mereka. Pendek kata, Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama yang bergabung dalam Pertubuhan Peladang Kawasan akan mendapat faedah yang lebih besar di bawah naungan Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya harap saudara-saudara akan mengkaji dengan teliti kertas kerja yang disediakan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang mengenai penyatuan penuh antara Persatuan Peladang Kawasan dengan Syarikat Kerjasama berasaskan pertanian ke dalam Pertubuhan (Koperatif) Peladang Kawasan. Ini adalah langkah jangka panjang yang positif dan akan membawa perubahan besar kepada kehidupan rakyat khususnya di kampung-kampung

dalam usaha kita membina masyarakat Malaysia yang modern, dinamis dan progresive.

Saudara-saudara sekalian.

Saya penuh yakin dengan penyusunan semula institusi-institusi rakyat luar bandar ini, masa depan kaum tani kita adalah lebih cerah dan membawa harapan baik bagi kemakmuran dan ketertarikan negara. Cita-cita kita hendak mengubah struktur ekonomi daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian tidak akan berjaya sekiranya kita tidak mengadakan sektor pertanian yang teguh kerana sektor inilah yang akan memberi kekuatan dan menjadi akar tunjang kepada sektor perindustrian. Without a strong agricultural base, we will not be able to support and expand our industrial sector. Jadi, tidak syak lagi amatlah penting dan mustahak kita mengekalkan dan mengukuhkan landasan pertanian ini dengan memperkuat Pertubuhan Peladang Kawasan kerana kaum tani yang berjumlah 1.2 juta orang merupakan tulang belakang bangsa dan negara Malaysia.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan itu saya sukacita merasmikan Persidangan ini sambil berharap semoga tercapai hasil-hasil yang baik dan berguna kepada ahli-ahli Persatuan, seterusnya kepada rakyat dan negara.